



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**27 September 2017**

1. Fahami Proses sembelihan moden; Utusan Malaysia

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN :Mimbar</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="21"/>	<b>RUANGAN :</b>	
<b>PERKARA</b>			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
<b>TARIKH</b>			
27 September 2017			

# Fahami proses sembelihan moden

**S**UATU yang membanggakan, kesedaran halal dalam kalangan pengguna Muslim hari ini dilihat semakin meningkat. Buktinya apabila timbul sahaja isu berkaitan halal pasti akan menjadi tular dengan pantas di media sosial dengan tujuan menyedarkan pengguna lain.

Namun malangnya, tindakan diambil seterusnya bukan sahaja meneliti dan semak tetapi ada juga yang menyebarkan dan memboikot produk tersebut tanpa mengkaji kesihatan berita diteima.

Sebagai contoh, tular kembali video berkaitan sembelihan ayam yang dibeli di sebuah pasar raya. Sembelihanya didakwa tidak halal walaupun ada logo halal pada pembungkusannya.

Lebih mendapat perhatian ramai apabila berita itu menjadi tular ketika Aidiladha lalu. Justeru Bahagian Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tampil memberi pencerahan perkara yang berlaku dengan menjelaskan kaedah sembelihan dan manfaat tular tersebut dalam Facebook.

Perkara itu turut terena tempas kepada penulis yang perlu menjelaskan kaedah sembelihan tersebut walaupun pada hari Tasriq.

Di Malaysia, harga ayam dikawal oleh kerajaan terutama musim perayaan. Ada ayam standard dan ada ayam super. Ayam standard adalah ayam yang dijual lengkap dengan kepala dan kaki masih bersambung. Harganya adalah lebih murah. Manakala, ayam super adalah ayam dijual tanpa kepala dan kaki yang telah dibungkus pembungkusan yang terpisah. Kaedah ini lebih tradisional dan diklasifikasikan

**bimbangan**

Oleh **MOHD. AMRI ABUULLAH**  
*Ketua Program, Akademi Halal Antarabangsa Malaysia, Menjalin Halal Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.*

kesihatan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Harganya lebih mahal tetapi lebih berkualiti serta selamat kerana kepala dan kaki mempunyai bakteria berbahaya daripada pandangan sains kesihatan.

Bagaimanapun, pengguna Islam tetap juga ingin tengok kepala dan kaki ayam yang lengkap, beranggapan untuk melihat sendiri urat-urat di leher ayam. Walaupun mempunyai logo halal, timbul isu lain apabila kepala ayam itu dilekakan semula.

**BERLAINAN KAEDAH TRADISIONAL**

Isu utamanya adalah kaedah sembelihan. Pengguna Islam tidak boleh menyamakan kaedah sembelihan diajar oleh ustaz atau tok guru di sekolah dulu iaitu perlu memegang setiap ekor ayam, sembelih dengan memutuskan haluk dan marikh serta dua urat darah kemudian dilepaskan ke tanah. “

kekurangan ilmu kita. Apabila video tersebut menjadi tular, maka ramai pengguna mengharamkan ayam yang halal. Kredibiliti JAKIM dipersoal seolah-olah memberikan sijih halal kepada ayam yang haram.

Penulis tidak menyalahkan pengguna kerana mereka tidak didedahkan secukupnya sembelihan dalam teknologi semasa, namun pengguna dinasihatkan agar merujuk kepada pakar jika tidak mengetahui sesuatu perkara. Kita sering mendengar ‘fitnah’ itu lebih bahaya daripada ‘membunuh’, tetapi sejauh mana kita memahami tentang ungkapan tersebut, atau sekadar hanya ikut dan penyedap kata-kata sahaja. Sebenarnya itu peringatan daripada Allah SWT maksudnya: “Dan berbuat fitnah lebih besar (dosanya) daripada fitnah.” (al-Baqarah: 217)

Apatah lagi dunia maya masa ini menyebarkan fitnah berkekuatan yang besar. Dalam konteks media pengedaran, memang masa ia menjadi perbalahan.



**PROSES** penyembelihan moden adalah berbeza dengan kaedah sembelihan tradisional.

hangat dan fitnah dalam kalangan masyarakat yang tidak mengetahui isu sebenar. Sedangkan isu tersebut adalah pengulangan bertahun-tahun lamanya termasuk isu sembelihan. Malangnya, ia masih menjadi tular menerusi pelbagai saluran terutama media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan Telegram dengan begitu cepat.

**KAEDAH SEMBELIHAN MODEN**

Mengantungi kaki dan kepala ayam ke bawah. Keadaan ini berlaku disebabkan kedudukan ketinggian penyembelihan atau kemahiran teknik sembelihan. Keadaan hadapan lebih pantas daripada di belakang boleh. Semua urat wajib telah putus dan ayam mati dengan sempurna. Keadaan ini berlaku kerana prosedur yang ditetapkan.

bersumber daripada orang belum kita ketahui kejujurannya? Allah berfirman maksudnya: “Wahai orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak memimpikan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.” (al-Hujurat : 6)

Jika kita tidak pasti status halal atau haram sesuatu produk, maka kita seharusnya merujuk kepada pakar atau berilmu dalam bidang itu iaitu JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sehegalkan ulama terkemuka, Sheikh Dr. Yusof al-Qaradawi dalam bukunya berjudul ‘Halal dan Haram dalam Islam’ menyamakan orang yang mengharamkan yang halal dan sebaliknya seperti menyitikan Allah.

Dalam hal ini, kita sebagai pengguna bijak seharusnya menpercayai dan yakin dengan badan yang diberi tanggungjawab oleh pemerintah untuk mengosahkan sijil dan logo halal. Kaedah terbaik adalah yakin halal Malaysia yang terdapat pada produk atau boleh merujuk kepada direktori halal di [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my).

**MEMIMBULKAN KEKELISAHAN**

Menular kan isu halal seperti ini hanya akan mengakibatkan kegelisahan masyarakat terutama umat Islam yang cukup sensitif tentang makanan halal dan haram. Ini adalah persepsi masyarakat terhadap isu-isu halal yang akhirnya menyebabkan masyarakat keliru. Sehingga hebat diperkata: “produk ini halal atau haram, tetapi ada logo halal? JAKIM buat apa, sekejap halal sekejap haram?”

Maka ramai tuduh-menuduh dan fitnah-memfitnah sesama sendiri. Perkara ini secara tidak langsung mewujudkan perpecahan serta perbezaan pandangan yang mengelirakan masyarakat. Sebagai pengguna, kita haruslah bijak dan berfikir dengan teliti sebelum membeli sesuatu produk. Kita haruslah memastikan bahawa produk yang kita beli adalah halal dan haram yang ditetapkan oleh JAKIM.